



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 3 TAHUN 2000

**PENGGABUNGAN SKIM PERKHIDMATAN
PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN/DEWAN NEGERI
GRED N8, N7, N5 DENGAN SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU TADBIR (KESETIAUSAHAAN) GRED N9, N7, N5**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan kerajaan menggabungkan skim perkhidmatan Pelapor Perbahasan Parlimen/Dewan Negeri Gred N8, N7, N5 dengan skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N9, N7, N5.

LATAR BELAKANG

2. Skim perkhidmatan Pelapor Perbantuan Parlimen/Dewan Negeri yang digunakan sekarang telah dikuatkuasakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991 manakala skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) telah dikuatkuasakan melalui surat pemakluman JPA Bil.(58) dlm. JPA SULIT 324/14/31 Klt.6 bertarikh 25 Ogos 1994.

3. Kerajaan telah meneliti peranan dan fungsi-fungsi perkhidmatan Pelapor Perbantuan Parlimen/Dewan Negeri di Jabatan Parlimen dan Pejabat-Pejabat Dewan Undangan Negeri dan mendapati ianya setaraf dan setanding dengan peranan dan fungsi-fungsi perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan). Selaras dengan ini adalah dipersetujui skim perkhidmatan Pelapor Perbantuan Parlimen/Dewan Negeri digabungkan dengan skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) sewajarnya.

PELAKSANAAN

4. Pelaksanaan urusan penggabungan kedua-dua skim perkhidmatan ini melibatkan perkara-perkara seperti berikut:-

4.1 Pelapor Perbantuan Parlimen/Dewan Negeri yang sedang berkhidmat akan ditukar lantik ke perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan). Opsyen diberi bagi membolehkan anggota membuat pilihan untuk ditukar lantik ke perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan).

4.2 Pelapor Perbantuan Parlimen/Dewan Negeri Gred N5 dan N7 yang memilih untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) akan diselaraskan gajinya mengikut peringkat dan tanggagaji yang sama dalam jadual gaji matriks Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N5 dan N7 tanpa perubahan matagaji. Ini adalah

kerana kedua-dua skim perkhidmatan tersebut menggunakan jadual gaji matriks yang sama.

- 4.3 Bagi Pelapor Perbahasan Parlimen/Dewan Negeri Gred N8 pula gajinya diselaraskan ke gaji Gred N8 juga tetapi secara Khas Untuk Penyandang (KUP). Ini adalah kerana gred yang terendah sekali yang terdapat pada skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) ialah Gred N9 iaitu lebih rendah daripada Gred N8. Gred gaji KUP ini akan diselaraskan ke gred gaji hakiki apabila anggota dinaikkan pangkat ke Gred N7.
- 4.4 Contoh pelarasan gaji bagi Pelapor Perbahasan Parlimen/Dewan Negeri Gred N8, N7, N5 yang memilih untuk ditukar lantik ke perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N9, N7, N5 adalah seperti di **Lampiran A**.
- 4.5 Bagi anggota yang Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) jatuh pada tarikh kuatkuasanya penggabungan ini, maka anggota akan diberi Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) mengikut prestasi kerja terlebih dahulu sebelum dibuat pelarasan gaji ke peringkat dan tanggagaji yang berkenaan di bawah skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan).
- 4.6 TPG bagi anggota yang terlibat dengan pelarasan gaji ini adalah tidak berubah. Ini adalah kerana pelarasan gaji ini tidak melibatkan sebarang perubahan matagaji.
- 4.7 Urusan pemberian opsyen kepada Pelapor Perbahasan Parlimen/Dewan Negeri untuk memasuki perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) akan dibuat oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan melalui Jabatan ini (Bahagian Perkhidmatan) selaku urusetia kepada Ketua Perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) di peringkat Perkhidmatan Awam Am Persekutuan. Bagi Perkhidmatan Awam Negeri pemberian opsyen akan

dibuat oleh Pihak Berkuasa Melantik Negeri berkenaan melalui Pejabat-pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri yang terlibat.

4.8 Anggota diberi opsyen untuk membuat pilihan memasuki perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan). Bagi anggota yang tidak bersetuju menerima opsyen ini akan kekal dalam perkhidmatan sekarang dan tertakluk kepada skim perkhidmatan Pelapor Perbahasan Parlimen/Dewan Negeri secara KUP.

4.9 Bagi maksud urusan pemberian opsyen, contoh Surat Tawaran, Syarat dan Peraturan Pertukaran Pelantikan dan Borang Pilihan Sendiri yang disertakan seperti di **Lampiran B/B1/B2** hendaklah digunakan.

4.10 Setelah urusan ini selesai, Jabatan berkenaan diminta menghubungi Cawangan Perjawatan, Bahagian Pembangunan Organisasi Jabatan ini untuk dibuat pindaan yang sewajarnya ke atas jawatan-jawatan yang terlibat.

TARIKH KUATKUASA

5. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai **1 Januari 2000**.

PEMBATALAN

6. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini maka skim perkhidmatan Pelapor Perbahasan Parlimen/Dewan Negeri yang berkuatkuasa pada 1 Januari 1992 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991 adalah dibatalkan kecuali bagi menampung anggota KUP sahaja.

PEMAKAIAN

7. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “



(TAN SRI DATO' SAMSUDIN BIN OSMAN)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
KUALA LUMPUR

27 Mac 2000

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**Contoh Penyelarasan Gaji Pelapor Perbantuan
Parlimen/Dewan Negeri Gred N8, N7, N5 Ke Pembantu Tadbir
(Kesetiausahaan) Gred N9, N7, N5**

Pelapor Perbantuan Parlimen/Dewan Negeri	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)	Catatan
Gred N5		
P1T1 RM1583 →	P1T1 RM1583	Pelarasan gaji mengikut peringkat (P) dan tanggagaji (T) yang sama.
P2T6 RM1991 →	P2T6 RM1991	
P3T12 RM2503 →	P3T12 RM2503	
Gred N7		
P1T1 RM1254 →	P1T1 RM1254	Pelarasan yang mengikut peringkat (P) dan tanggagaji (T) yang sama.
P2T6 RM1552 →	P2T6 RM1552	
P3T11 RM1989 →	P3T11 RM1989	
Gred N8		
Gred N8 (KUP)		Gred hakiki ialah Gred N9. Walau bagaimanapun anggota diselaraskan ke gaji Gred N8 secara KUP mengikut peringkat (P) dan tanggagaji (T) yang sama.
P1T1 RM649 →	P1T1 RM649	
P2T11 RM1035 →	P2T11 RM1035	
P3T22 RM1622 →	P3T22 RM1622	

(Nama Dan Alamat Pihak Berkuasa Melantik)

Tarikh :

Bil. :

Nama :

Alamat :

Melalui Ketua Jabatan :

Tuan/Puan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI
PEMBERIAN OPSYEN KE PERKHIDMATAN PEMBANTU
TADBIR (KESETIAUSAHAAN) (*PERKHIDMATAN
AWAM AM PERSEKUTUAN/ PERKHIDMATAN AWAM
NEGERI) DI BAWAH KLASIFIKASI PERKHIDMATAN
PENTADBIRAN DAN SOKONGAN, DI (Nama Agensi)**

Adalah saya diarah memaklumkan bahawa tuan/puan ditawarkan pertukaran pelantikan ke perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) (*Perkhidmatan Awam Am Persekutuan/Perkhidmatan Awam Negeri) di bawah klasifikasi perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan di (Nama Agensi) menurut syarat-syarat berikut:-

1. Tuan/puan akan diberi gaji P..T.. RM atas gred gaji *N5/N7/N8(KUP).
2. Tuan/puan akan tertakluk kepada peraturan dan syarat-syarat perkhidmatan seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran ini dan di Lampiran 'B1'.
3. Tuan/puan diminta mengisi, menandatangani dan mengembalikan borang pilihan sendiri ini seperti di Lampiran 'B2' kepada Pihak Berkuasa Melantik tidak lewat dari

(Tandatangan)
Pihak Berkuasa Melantik

* Potong mana yang tidak berkenaan.

PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN OPSYEN PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN/ DEWAN NEGERI (*PERKHIDMATAN PARLIMEN/PERKHIDMATAN AWAM AM PERSEKUTUAN/PERKHIDMATAN AWAM NEGERI) KE PERKHIDMATAN PEMBANTU TADBIR (KESETIAUSAHAAN) (*PERKHIDMATAN AWAM AM PERSEKUTUAN/ PERKHIDMATAN AWAM NEGERI) (UNTUK ANGGOTA TETAP SAHAJA)

1. Tuan/puan sebagai Pelapor Perbahasan Parlimen/Dewan Negeri (*Perkhidmatan Parlimen/Perkhidmatan Awam Am Persekutuan/Perkhidmatan Awam Negeri di bawah klasifikasi perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan adalah diberi opsyen samada bersetuju untuk ditukarlantik ke perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) (*Perkhidmatan Awam Am Persekutuan/Perkhidmatan Awam Negeri) di bawah klasifikasi perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan ataupun kekal dalam perkhidmatan sekarang secara Khas Untuk Penyandang. Opsyen ini adalah **muktamad**.
2. Tuan/puan diberi tempoh selama 30 hari mulai dari tarikh surat tawaran dikeluarkan untuk membuat pilihan. Jika tuan/puan tidak membuat pilihan dalam tempoh tersebut, atau gagal mengembalikan kertas opsyen tanpa sebarang sebab yang munasabah, tuan/puan adalah dianggap tidak bersetuju menerima tawaran pertukaran pelantikan ini.
3. Tuan/puan yang menerima pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen ini akan ditawarkan gred jawatan dan gred gaji yang tidak kurang baiknya dengan gred jawatan dan gred gaji sekarang.
4. Tuan/puan yang menerima pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen ini akan tertakluk kepada syarat dan peraturan perkhidmatan seperti yang diperuntukan di dalam skim perkhidmatan yang tuan/puan ditukarlantik. Gelaran jawatan tuan/puan jika perlu akan diubahsuaikan mengikut skim perkhidmatan tersebut.

OPSYEN

TEMPOH MEMBUAT OPSYEN

JAWATAN DAN GAJI YANG DITAWARKAN

PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT DAN PERATURAN PERKHIDMATAN BARU

5. Tuan/puan yang menerima pertukaran pelantikan melalui pemberian opsi ini akan diberi matagaji yang sama atau yang tidak kurang baiknya daripada yang diterima semasa berkhidmat dalam perkhidmatan sekarang. Tarikh pergerakan gaji tuan/puan tidak akan berubah. **GAJI DAN TARIKH PERGERAKAN GAJI**
6. Jika tuan/puan telah disahkan dalam perkhidmatan sekarang, tuan/puan akan dikecualikan daripada syarat tempoh percubaan dalam perkhidmatan baru yang tuan/puan ditukarlantik. Oleh itu, Ketua Jabatan tuan/puan bolehlah memperakukan kepada Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk mengesahkan tuan/puan dalam perkhidmatan pada bila-bila masa selepas pertukaran pelantikan ini dikuatkuasakan. **ANGGOTA YANG TELAH DISAHKAN DALAM PERKHIDMATAN**
7. Tuan/puan yang belum disahkan dalam perkhidmatan sekarang akan dikehendaki melalui tempoh percubaan sekurang-kurangnya setahun dan memenuhi semua syarat pengesahan yang ditetapkan. Pengecualian hanya boleh diberi bagi syarat (sepenuhnya atau sebahagian) yang telah dipenuhi dalam perkhidmatan sekarang. **ANGGOTA YANG BELUM DISAHKAN DALAM PERKHIDMATAN**
8. Kekanan tuan/puan yang menerima pertukaran pelantikan melalui pemberian opsi ini adalah dikira dari tarikh tuan/puan mula dilantik atau dinaikkan pangkat dalam perkhidmatan Pelapor Perbahasan Parlimen/Dewan Negeri. **KEKANANAN**
9. Tuan/puan yang belum diberi taraf berpencen semasa ditukar lantik dan tuan/puan yang tidak layak memilih skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), boleh diberi taraf berpencen apabila telah menggenapkan sekurang-kurangnya tiga tahun perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira. Tempoh perkhidmatan tuan/puan yang lepas boleh dimasukkan kira bagi maksud pemberian taraf berpencen dan pengiraan faedah persaraan sekiranya didapati layak mengikut peraturan yang sedang berkuatkuasa. **TARAF BERPENCEN DIKEKALKAN**

- | | | |
|-----|---|--|
| 10. | Taraf berpencen yang telah diberi kepada tuan/puan sebelum pertukaran pelantikan ini dikuatkuasakan akan dikekalkan selaras dengan peruntukan Perintah Am 39 Bab A, 1973. | TARAF BERPENCEN
DIKEKALKAN |
| 11. | Tuan/puan dibenarkan membawa baki cuti rehat tuan/puan semasa dalam perkhidmatan sekarang ke dalam perkhidmatan yang baru mengikut syarat dan peraturan yang berkuatkuasa. Pengumpulan cuti ini termasuklah bagi tujuan pemberian anugerah wang tunai. Tempoh perkhidmatan tuan/puan dalam perkhidmatan sekarang boleh diambilkira untuk menentukan jumlah cuti rehat yang tuan/puan layak dalam perkhidmatan baru. | MEMBAWA BAKI
CUTI REHAT |
| 12. | Tuan/puan yang menerima pertukaran pelantikan ini boleh ditempatkan berkhidmat di mana-mana jua sepertimana yang diarahkan oleh Ketua Perkhidmatan/Ketua Jabatan. | PENEMPATAN |
| 13. | Ketua Perkhidmatan tuan/puan ialah ketua bagi perkhidmatan yang tuan/puan ditukarlantik. | KETUA
PERKHIDMATAN |
| 14. | Tuan/puan yang menerima pertukaran pelantikan ini adalah tertakluk kepada peraturan perkhidmatan, pekeliling/surat pekeliling dan panduan serta perintah atau peraturan lain yang dikeluarkan oleh kerajaan dari semasa ke semasa. | MEMATUHI
PERATURAN |
| 15. | Tuan/puan yang menerima pertukaran pelantikan ini dikecualikan daripada syarat pemeriksaan perubatan, sumpah berkanun dan tapisan keselamatan dengan syarat telah memenuhi syarat tersebut semasa dalam perkhidmatan sekarang. | SYARAT
PELANTIKAN YANG
DIKECUALIKAN |
| 16. | Tuan/puan yang menerima pertukaran pelantikan ke perkhidmatan baru sebagai Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) (*Perkhidmatan Awam Am Persekutuan/ Perkhidmatan Awam Negeri) di bawah klasifikasi perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan adalah dengan ini putus hubungan dengan perkhidmatan sekarang. | HUBUNGAN DENGAN
PERKHIDMATAN
LAMA |
| 17. | Pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen ke perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) ini adalah berkuatkuasa mulai 1 Januari 2000. | TARIKH
KUATKUASA |
| • | Potong yang mana tidak berkenaan. | |

BORANG PILIHAN SENDIRI

Fail Rujukan :

Tarikh :

Kepada : (Pihak Berkuasa Melantik)

Melalui Ketua Jabatan

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI
PEMBERIAN OPSYEN KE PERKHIDMATAN PEMBANTU
TADBIR (KESETIAUSAHAAN) (*PERKHIDMATAN AWAM AM
PERSEKUTUAN/ PERKHIDMATAN AWAM NEGERI) DI BAWAH
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN
SOKONGAN DI (Nama Agensi)**

Berhubung dengan surat tuan bil.
bertarikh mengenai perkara di atas, maka saya dengan ini membuat
pilihan sendiri seperti berikut:-

- * (a) Bersetuju menerima pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen dari perkhidmatan Pelapor Perbahasan Parlimen/Dewan Negeri (**Perkhidmatan Parlimen/Perkhidmatan Awam Am Persekutuan/Perkhidmatan Awam Negeri) di bawah klasifikasi perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan di (Nama Agensi) ke perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) (**Perkhidmatan Awam Am

Persekutuan/ Perkhidmatan Awam Negeri) di bawah klasifikasi perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan di (Nama Agensi) dengan menerima gaji P.T. sebanyak RM..... sebulan atas gred gaji N5/N7/N8(KUP)**.

* (b)

Tidak bersetuju menerima tawaran pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen dari perkhidmatan Pelapor Perbahasan Parlimen/Dewan Negeri (**Perkhidmatan Parlimen/Perkhidmatan Awam Am Persekutuan/Perkhidmatan Awam Negeri) di (Nama Agensi) ke perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) (**Perkhidmatan Awam Am Persekutuan/ Perkhidmatan Awam Negeri) di bawah klasifikasi perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan di (Nama Agensi) dan dengan ini bersetuju kekal dalam perkhidmatan sekarang sebagai Pelapor Perbahasan Parlimen/Dewan Negeri di (Nama Agensi) secara Khas Untuk Penyandang.

2. Saya sesungguhnya faham kandungan surat tawaran tuan bil. bertarih dan implikasi pilihan sendiri ini dan saya sesungguhnya mengetahui bahawa pilihan yang saya buat ini adalah muktamad. Saya juga faham bahawa sekiranya ada di antara maklumat yang saya beri untuk tujuan pertukaran pelantikan ini tidak betul, maka pertukaran pelantikan saya dengan sendirinya terbatal dan saya akan dikekalkan di dalam perkhidmatan sekarang sebagai Pelapor Perbahasan Parlimen/Dewan Negeri di (Nama Agensi) secara Khas Untuk Penyandang.

Tandatangan :

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Alamat :

.....

.....

Tarikh :

Di hadapan :

.....
SAKSI***
(Tandatangani Dan Cop Jawatan)

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Alamat :

.....

.....

Tarikh :

-
- * Tandakan (✓) dalam salah satu petak yang berkenaan.
 - ** Potong mana yang tidak berkenaan.
 - *** Ketua Jabatan atau Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional.